

07 OCT 1997

KESATUAN MELAYU UK SOKONG KEPIMPINAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK) telah menyatakan sokongan terhadap kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani permasalahan dalam ekonomi negara sekarang.

"KMUK menaruh kepercayaan yang penuh terhadap kewibawaan kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani permasalahan yang melanda ekonomi negara pada ketika ini," kata presiden KMUK Kamarul Rashdan Haji Salleh hari ini.

Dalam kenyataan yang dihantar ke sini hari ini beliau berkata kesatuan itu juga menyokong penuh segala langkah yang diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk mengekalkan perkembangan ekonomi Malaysia pada tahap tujuh hingga lapan peratus dan mengurangkan defisit imbalan pembayaran negara dengan mengambil kira prestasi ekonomi pada tahun hadapan.

Langkah-langkah itu termasuklah galakan berjimat cermat oleh pelbagai sektor kerajaan dan swasta, penangguhan beberapa projek pembinaan dan pengurangan import barangan, katanya. -- BERNAMA

AFY NMO